

05/09/2003

Prestasi ekonomi hasil ketegasan

KRISIS ekonomi yang melanda beberapa negara Asia pada 1997-1998 membuka mata kita terhadap dasar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang jelas cenderung mengikut telunjuk kuasa besar atau lebih khusus lagi Amerika Syarikat (AS). Ketika itu, kita dikecam hebat oleh AS hingga hendak dipinggirkannya kerana tentangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap dasar dan syarat berat IMF dalam membantu menangani kemelut itu. Serentak itu juga kita menolak sebarang bentuk bantuan badan kewangan antarabangsa itu sewaktu berdepan masalah itu lima tahun lalu sambil menambat nilai ringgit RM3.80 kepada dolar AS. Sejak itu, IMF sering kali memuji langkah yang kita ambil dalam menghadapi kegawatan ekonomi itu.

Kini sedang Indonesia, Korea Selatan, Pakistan, Turki dan Brazil terus berada dalam cengkaman IMF berikutan pinjaman diberikan oleh tabung itu bagi membangkitkan semula ekonomi mereka, kita dijangka mencapai pertumbuhan lima peratus tahun depan berkat dasar ekonomi dilaksanakan Dr Mahathir. Betapa dasar kita berjaya mengubati dan membebaskan kita daripada krisis ekonomi dan tidak pula dibebani pinjaman IMF, sekali dipuji oleh Pengarah Urusan baru IMF, Dr Horst Kohler. Jelas langkah kerajaan memberi tumpuan kepada pengagihan kekayaan di kalangan rakyat hingga mewujudkan kemantapan sosial melahirkan pula kestabilan politik kini diakui model pengurusan ekonomi yang boleh dijadikan contoh.

IMF kini menerima hakikat dasar berkenaan mewujudkan pula persekitaran pelaburan yang kondusif lantas membantu meningkatkan lagi pencapaian ekonomi. Bagaimanapun, pandangan Kohler itu amat bertentangan dengan pendirian IMF sebelum ini yang meletakkan beberapa syarat sehingga boleh menjejaskan kestabilan sosial di negara penerima bantuan kewangannya. Kita sendiri sudah lihat bagaimana beberapa langkah drastik diambil Indonesia bagi memulihkan ekonominya sesuai dengan arahan IMF mencetuskan tunjuk perasaan ganas di Jakarta.

Berdasarkan pengakuan Kohler, IMF kini melalui proses perubahan dan beranggapan masalah dan ketegangan dunia hanya boleh diselesaikan menerusi kerjasama pelbagai hala, sejajar dasar kita yang enggan tunduk kepada dasar unilateral. Pelawaan Kohler agar Malaysia lebih aktif menyuarakan pandangan bagi mewujudkan struktur kewangan dunia yang mampu melindungi kepentingan negara kecil dan miskin tidak syak lagi adalah satu lagi penghormatan besar IMF kepada dasar tegas kita selama ini. Justeru, IMF juga menerima pandangan kita globalisasi dan rundingan WTO memakmurkan semua dan hanya memperkayakan negara maju.